



SIARAN MEDIA

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-17

PELAKSANAAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN) & PELAN JANA SEMUA EKONOMI NEGARA (PENJANA)

19 Ogos 2020



PENGENALAN

1. Pada minggu ini, **Laporan LAKSANA Ke-17** akan merangkumi 3 perkara:
 - a. Pertama, status pencapaian Pakej PRIHATIN;
 - b. Kedua, status pelaksanaan PENJANA; dan
 - c. Ketiga, ulasan isu semasa.

PRIHATIN MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT

2. Bagi **Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners)**, setakat 7 Ogos 2020 sebanyak **RM222.4 juta** telah disalurkan berdasarkan **694,447 tuntutan** yang terdiri daripada **doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain** yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada **anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA** yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

PRIHATIN MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

3. Bagi **Dana Pinjaman Mudah PKS (SME Soft Loans Funds)** yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia, setakat 7 Ogos 2020 jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah **RM9.86 bilion** (peningkatan daripada RM9.63 bilion minggu lalu) yang akan memanfaatkan **21,759 PKS** (peningkatan daripada 21,410 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana *Special Relief Facility, Automation & Digitalisation Facility, All-Economic Sector Facility dan Agrofood Facility*.
- Permintaan terhadap SRF adalah sangat menggalakkan dan telah digunakan sepenuhnya. Kemudahan ini juga **memanfaatkan lebih 21,000 PKS**
 - Lebih separuh daripada penerima SRF adalah dalam kegiatan perdagangan borong dan runcit di mana lebih 70% penerima SRF merupakan daripada segmen perusahaan kecil PKS.**
 - Berikutan pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur, PKS juga boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti *Automation & Digitalisation Facility, All-Economic Sector Facility dan Agrofood Facility*. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui **platform imSME** di pautan <https://imsme.com.my/portal/bm/> yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.

Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*
7 Ogos	9.9	21,759
31 Julai	9.6	21,410
24 Julai	9.4	21,063
20 Julai	9.2	20,815
10 Julai	9.1	20,545
3 Julai	8.8	20,104
26 Jun	8.4	19,539
19 Jun	8.2	19,253
12 Jun	7.8	18,449
5 Jun	7.5	18,227
31 Mei	6.9	16,833
17 Mei	5.8	14,075
10 Mei	4.7	11,975
3 Mei	3.0	6,840
26 April	1.5	3,636

*Jumlah kumulatif

PRIHATIN MATLAMAT 3: PERKUKUH EKONOMI

4. **Pembendungan penularan wabak COVID-19** adalah faktor kritikal dalam pemulihan ekonomi. Sebanyak RM1 bilion diperuntukkan bagi membiayai pembelian peralatan perubatan seperti *ventilator* dan peralatan ICU, peralatan perlindungan diri (PPE) bagi kakitangan perkhidmatan perubatan awam serta keperluan makmal untuk saringan COVID-19. Setakat 7 Ogos 2020, sebanyak **RM512.5 juta** telah disalurkan dalam usaha meningkatkan lagi keupayaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memerangi COVID-19.
5. Maklumat berkaitan pencapaian **inisiatif-inisiatif lain di bawah PRIHATIN** boleh dirujuk di **Lampiran** laporan ini.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

6. Di bawah PENJANA, inisiatif-inisiatif terbahagi kepada tiga matlamat:
 - a. Memperkasakan Rakyat;
 - b. Melonjakkan Perniagaan; dan
 - c. Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

7. **Pertama, di bawah program My30**, setakat 7 Ogos 2020 **sebanyak 240,140 pas My30 telah dijual** (peningkatan daripada 204,325 pas) **di mana subsidi Kerajaan bagi pas My30 ini bernilai RM40.8 juta** (peningkatan daripada RM34.7 juta). Pas My30 boleh digunakan untuk sistem pengangkutan MRT, LRT, monorel, BRT, Bas RapidKL dan Bas Pengantara MRT.
8. **Kedua, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Bagi meningkatkan kebolehpasaran belia dan penganggur, Kerajaan dengan kerjasama beberapa Kementerian dan agensi akan melaksanakan **program latihan dan peningkatan kemahiran bagi golongan belia dan penganggur**. Program-program yang bakal dilancarkan ini dianggarkan dapat memanfaatkan hampir 200,000 belia dan penganggur. Antara pihak yang terlibat adalah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF), Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan. **Antara inisiatif yang telah bermula adalah di bawah kelolaan:**

a. **HRDF** yang dikenali sebagai **Penjana HRDF** yang merangkumi:

- Penempatan dan Latihan;
- Peningkatan Kemahiran dan Latihan Kemahiran Baru;
- Pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS);
- Pembangunan B40; dan
- Gerak Insan Cemerlang (GIC).

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://penjanahrdf.com.my/>

b. **NCIA** yang menyediakan program-program bagi membantu mereka yang menganggur atau kehilangan pekerjaan:

- **empowerNCER**: program-program latihan kemahiran & keusahawanan;
- **entrepreneurNCER**: membantu perusahaan mikro dan PKS mengekal dan memulakan semula perniagaan serta membantu meningkatkan penjenamaan dan pemasaran produk; dan
- **NCER Talent Enhancement Program (NTEP)**: menyediakan latihan kemahiran bermutu tinggi untuk meningkatkan tahap daya saing kepada graduan tempatan serta mereka yang baru kehilangan pekerjaan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.ncer.com.my/nciapostcovid-19/>

9. Ketiga, daripada **24 hingga 28 Ogos, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)** akan menganjurkan **#MyDigitalWorkforce Week** yang bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai membangunkan kerjaya serta meningkatkan kemahiran mereka. Selaras dengan matlamat memperkasakan rakyat di bawah PENJANA, Kerajaan menyambut baik usaha-usaha kerjasama awam-swasta dalam meningkatkan kemahiran dan mendapat peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang digitalisasi – seperti animasi, pembangunan perisian, data raya, *artificial intelligence* dan lain-lain. **Lebih 20 webinar, 50 penceramah dan 4,000 peluang pekerjaan tersedia buat peserta.** Program selama 5 hari ini akan diadakan dalam bentuk maya (virtual) dan mereka yang berminat boleh mendaftar **secara percuma** di: <http://mydigitalworkforceweek.my>

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

10. **Pertama, Skim Pemulihan Perniagaan Tekun atau TEKUN Business Recovery Scheme – TBRS).** Setakat 7 Ogos 2020, sebanyak **3,459 permohonan diluluskan** (peningkatan daripada 1,810) **berjumlah RM24.9 juta** (peningkatan daripada RM13.3 juta). Daripada jumlah ini, sebanyak **RM8.04 juta** telah disalurkan dan memanfaatkan **1,078 PKS Mikro.**

11. **Kedua, Pembiayaan PKS PENJANA.** Sektor perbankan menawarkan dana tambahan sebanyak RM2 bilion untuk membantu PKS yang terkesan daripada COVID-19, dengan **keutamaan diberikan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank tersebut.** Setakat 7 Ogos 2020, sebanyak **392 permohonan telah diluluskan bernilai RM134.3 juta.**
12. **Ketiga, Kempen E-Dagang kepada Perusahaan Mikro dan PKS (PMPKS).** Kempen ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan e-dagang oleh perniagaan tempatan bagi meluaskan lagi capaian pasaran mereka. Inisiatif yang diterajui oleh **MDEC** ini mempermudah **peralihan PKS dan PKS mikro kepada platform e-dagang** yang seterusnya akan memperluaskan akses pasaran. Kempen yang **melibatkan 20 rakan e-dagang**, termasuk **Boost, Carousell, ConfirmPlusChop, DeliverEat, Elokal, eRomman, Fave, foodpanda, Grab, JOCOM, Kedai Matdespatch, Lazada, Lokein, MyGroser, OURSHOP, PG Mall, Maybank2u (Sama-Sama Lokal), Shopee, Touch 'n Go eWallet, dan Zalora.** Lebih 145,000 PMPKS dijangka mendapat manfaat daripada latihan e-dagang, subsidi penjual dan sokongan jualan. **Setakat 7 Ogos 2020, sebanyak 63,000 PMPKS telah menerima manfaat dari inisiatif ini.** PMPKS dan perniagaan tempatan yang mahu menyertai kempen tersebut boleh mendaftar menerusi www.go-ecommerce.my/PENJANA.
13. **Keempat “Shop Malaysia Online”** bagi Penggunaan Dalam Talian. **MDEC** sebagai agensi yang bertanggungjawab telah melancarkan kempen ‘Shop Malaysia Online’ bermula 1 Ogos sehingga akhir September 2020.
 - a. **Setakat 7 Ogos 2020, seramai 1.09 juta pengguna** telah menerima manfaat dari kempen ini.
 - b. Kempen ini merupakan satu inisiatif pemulihan ekonomi negara pasca COVID-19 menerusi usaha menggalakkan rakyat berbelanja secara dalam talian, dan ini merupakan komitmen kerajaan bagi menyokong perniagaan tempatan. Menerusi kempen ini, pengguna akan diberikan kod promosi dan pelbagai baucar diskaun di platform e-dagang yang dapat menggalakkan mereka meningkatkan perbelanjaan dengan produk tempatan. Melalui inisiatif ini, kerajaan dan MDEC akan berganding bahu dengan lebih **20 rakan e-dagang** dalam mempromosikan pelbagai tawaran selama dua bulan. Rakan e-dagang terdiri daripada **Boost, Carousell, ConfirmPlusChop, DeliverEat, Elokal, eRomman, FashionValet, Fave, foodpanda, Grab, JOCOM, Kedai Matdespatch, Lazada, Lokein, Maybank2u (Sama Sama Lokal), MyGroser, OURSHOP, PG Mall, Shopee, Touch 'n Go eWallet, Youbeli dan Zalora.**
 - c. Inisiatif ini juga mendorong masyarakat melakukan lonjakan digital dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Maklumat lanjut mengenai ‘Shop Malaysia Online’ boleh didapati di www.go-ecommerce.my/PENJANA.

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

14. **Pertama, ePenjana:** Dilancarkan pada 31 Julai 2020, sehingga 14 Ogos, 9.03 juta rakyat telah berjaya menerima RM50 dalam e-Dompet mereka dengan jumlah nilai sebanyak RM451.5 juta. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan/kemusykilan mengenai kredit ePENJANA melalui e-Dompet pilihan orang ramai boleh menghubungi tiga penyedia perkhidmatan e-Dompet iaitu **Boost, GrabPay dan Touch 'n Go e-Wallet**.
15. **Kedua, Sukuk Prihatin:** Kementerian Kewangan pada 18 Ogos 2020 telah mengumumkan terbitan berjumlah RM500 juta di bawah PENJANA.
- a. Sukuk yang bertemakan "**KitaUntukKita**" di bulan kemerdekaan Malaysia ini adalah tepat pada masanya kerana ia membuka peluang kepada Rakyat untuk bersama-sama Kerajaan membantu proses pemulihan negara ekoran pandemik COVID-19.
 - b. Di antara tujuan sukuk ini termasuklah meningkatkan kesalinghubungan internet kepada sekolah-sekolah luar bandar, yang juga akan bertindak sebagai hab untuk menghubungkan kampung-kampung berhampiran; menyokong geran penyelidikan penyakit-penyakit berjangkit; dan pembiayaan geran kepada perusahaan mikro terutamanya usahawan wanita.
 - c. Sukuk yang patuh syariah ini merupakan instrumen pelaburan untuk warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas, dengan ciri-ciri seperti berikut:
 - Ditawarkan hanya melalui platform digital sama ada menerusi JomPAY atau DuitNow yang dikendalikan oleh PayNet untuk diakses hanya melalui perbankan Internet dan perbankan mudah alih.
 - Tempoh matang selama dua (2) tahun dengan tawaran pulangan sebanyak 2 peratus setahun. Ia adalah suatu pelaburan yang sesuai untuk kepelbagaian portfolio dan juga kepada pelabur yang bersifat konservatif dan mengambil risiko jangka pendek dengan pulangan pelaburan minimum. Pembayaran keuntungan akan dibuat setiap suku tahun-dan dikecualikan cukai.
 - d. Pemegang sukuk juga diberikan fleksibiliti untuk tidak menerima pulangan atau pembayaran balik modal (prinsipal) dan akan ditolak cukai bagi tujuan pemfailan cukai.

ULASAN ISU SEMASA

16. Mulai 1 September 2020, **fungsi Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) akan dipindahkan dari Bank Negara Malaysia (BNM) ke Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**. Dengan perpindahan ini, AKPK akan menjadi platform sehati untuk individu dan PKS mendapatkan perkhidmatan penstrukturan hutang, pendidikan dan khidmat nasihat kewangan terutama bagi yang mempunyai pinjaman dengan beberapa bank. Sekiranya peminjam mempunyai pinjaman lebih daripada satu bank dan memerlukan penyelesaian menyeluruh, AKPK akan membantu dalam menyusun semula pinjaman individu atau PKS.
17. BNM juga telah mengumumkan bahawa **pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari tahun-ke-tahun pada suku kedua (ST2) 2020 adalah menguncup sebanyak -17.1%**. Perlu ditekankan bahawa penguncupan KDNK untuk suku tahun ini disebabkan oleh fasa Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang dilaksanakan untuk mengekang penyebaran COVID-19 di Malaysia.
18. **Berdasarkan analisa pertumbuhan KDNK dari bulan ke bulan pula, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, penambahbaikan pertumbuhan jelas dapat dilihat dari bulan April (-28.6%), kepada bulan Mei (-19.5%) dan bulan Jun (-3.2%)**. Angka KDNK pada bulan Jun 2020 adalah petunjuk yang jelas bahawa pemulihan ekonomi sedang berlaku sejajar dengan pembukaan ekonomi pada bulan Mei.
19. Selain itu, angka terbaharu dari petunjuk jangka pendek telah menunjukkan kesan positif yang memberangsangkan dan pemulihan telah pun bermula sejak ekonomi dibuka. Ini termasuk:
 - a. **Eksport negara berkembang 8.8% dari tahun-ke-tahun pada bulan Jun 2020**, peningkatan dari -25.5% yang dicatat pada bulan Mei;
 - b. **Indeks Pengeluaran Perindustrian (*Industrial Production Index*) meningkat 26.2% dari bulan-ke-bulan pada bulan Jun 2020** (0.4% tahun-ke-tahun berbanding Mei: -21.6% tahun-ke-tahun);
 - c. **Nilai jualan runcit dan borong meningkat sebanyak 21.8% dari bulan-ke-bulan pada bulan Jun berbanding bulan lepas**;
 - d. **Indeks Pengurus Pembelian (*PMI*) untuk sektor Pembuatan di Malaysia telah meningkat dari nilai terendah pada tahun ini iaitu 31.3 pada bulan April kepada 50.0 pada bulan Jun dan Julai**. Ini menunjukkan bahawa

sektor Pembuatan telah beralih dari tempoh penguncupan akibat pelaksanaan PKP.

- e. Perbelanjaan pengguna juga telah pulih. Malaysia mencatat **kenaikan 6.3% tahun-ke-tahun bagi penjualan kereta pada bulan Jun 2020**. Langkah seperti **insentif cukai untuk pembelian kereta** jelas menyebabkan kenaikan ini, menunjukkan perkembangan positif untuk sektor ini;
- f. **Sentimen pengguna juga telah jelas pulih**, dibuktikan oleh **peningkatan mendadak dalam perbelanjaan kad kredit kepada RM10.7 bilion pada bulan Jun**, berbanding RM6.5 bilion pada bulan April 2020, dengan pertumbuhan disebabkan oleh perbelanjaan yang selamat dan tanpa sentuhan;
- g. **Pembiayaan bersih kepada sektor swasta terus meningkat pada kadar 3.7% setahun. Pertumbuhan pinjaman perniagaan sedia ada meningkat dari 3.4% pada suku pertama 2020 kepada 3.9% pada suku kedua 2020**. Keputusan BNM untuk mengurangkan Kadar Polisi Semalaman (*OPR*) kepada kadar semasa sebanyak 1.75% jelas sekali menyumbang kepada persekitaran pembiayaan yang lebih baik; dan
- h. **Kadar pengangguran negara pada Jun 2020 telah bertambah baik kepada 4.9% berbanding 5.3% pada bulan Mei**. Pakej ransangan PRIHATIN dan PENJANA, yang telah menyelamatkan lebih daripada 2.8 juta pekerjaan (di bawah program Subsidi Upah dan Pengekalan Pekerjaan) jelas sekali menyumbang kepada penambahbaikan kepada kadar pengangguran.

20. Malah, bagi tahun 2021, menurut BNM, KDNK negara dijangka mencatatkan pertumbuhan antara 5.5% hingga 8%. IMF pula mengunjurkan pertumbuhan 6.3%, manakala Bank Dunia (*World Bank*) menjangkakan pertumbuhan sebanyak 6.9%. Kerajaan yakin bahawa langkah-langkah yang telah diambil melalui PRIHATIN dan PENJANA telah menyumbang kepada usaha pemulihan ekonomi negara.

21. Proses konsultasi Belanjawan 2021 sedang berjalan dengan rancak. Pada minggu lalu, Kementerian Kewangan telah melancarkan laman sesawang untuk menerima maklum balas daripada semua golongan masyarakat. Semua pihak dialu-alukan untuk mengemukakan cadangan melalui laman sesawang <http://belanjawan2021.treasury.gov.my>. Portal tersebut akan dibuka sehingga 15 September 2020. Terima kasih.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

19 Ogos 2020

LAMPIRAN - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Bantuan Sara Hidup atau BSH	a. Seramai 4.13 juta penerima telah berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank melibatkan bayaran RM 2.7 bilion. Penerima BSH yang diluluskan tetapi tidak dapat dikreditkan ke dalam akaun bank boleh menuntut secara tunai di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) sehingga 31 Disember 2020. b. Permohonan Rayuan BSH 2020 dibuka sehingga 6 September 2020. Tiada sebarang bayaran bagi penerimaan permohonan atau rayuan. Proses rayuan boleh dibuat melalui: • Cawangan LHDNM / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / Pusat Transformasi Bandar (Urban Transformation Center – UTC). • Secara dalam talian (<i>on-line</i>) bagi pemohon yang berstatus Tidak Lulus tertentu sahaja. Sila layari pautan berikut bagi maklumat lanjut https://bsh.hasil.gov.my/
2.	Program i-Lestari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	a. Sehingga 7 Ogos 2020, jumlah pengeluaran kumulatif di antara April sehingga Ogos 2020 adalah sebanyak RM6.5 bilion (peningkatan daripada RM5.71 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.52 juta penerima (peningkatan daripada 4.5 juta). b. KWSP menyediakan Khidmat Nasihat Persaraan (<i>Retirement Advisory Service - RAS</i>) secara percuma untuk perancangan persaraan. Maklumat mengenai perkhidmatan ini boleh didapati di https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service dan ianya terbuka kepada orang ramai termasuk bukan ahli KWSP.
3.	Pemandu teksi	Setakat 7 Ogos 2020, Kerajaan telah menyalurkan bantuan kepada 29,968 pemandu teksi (peningkatan daripada 29,665) berjumlah RM17.9 juta (peningkatan daripada RM17.8 juta) buat penerima fasa pertama. Bagi penerima fasa kedua, pembayaran telah mula dibuat pada 22 Julai 2020 yang melibatkan 4,814 pemandu. Sebanyak 1,376 pemandu telah menerima

		pembayaran bagi fasa kedua yang berjumlah RM825,000 (tiada perubahan daripada minggu lalu)
4.	Pemandu Pelancong	Sehingga 7 Ogos 2020, seramai 7,582 pemandu pelancong (peningkatan daripada 7,570 pemandu) telah menerima bantuan berjumlah RM4.55 juta (peningkatan daripada RM4.54 juta)
5.	Pemandu bas pelancongan	Pembayaran kepada 3,104 bagi pemandu bas pelancongan telah mula dibuat pada 22 Julai 2020. Setakat 7 Ogos 2020, seramai 2,870 pemandu bas pelancong telah menerima bantuan berjumlah RM1.7 juta .

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

6.	Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP	Sehingga 7 Ogos 2020, sebanyak 66,673 permohonan (peningkatan daripada 65,986 minggu lalu) telah diterima dan daripada jumlah tersebut, 12,584 permohonan telah diluluskan bernilai RM82.7 juta (peningkatan daripada RM82.1 juta minggu lalu) bagi caruman KWSP majikan. <table><tr><th>Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP</th><th>Jumlah permohonan diterima*</th><th>Jumlah permohonan diluluskan*</th><th>Jumlah diluluskan* (RM juta)</th></tr><tr><td>7 Ogos</td><td>66,673</td><td>12,584</td><td>82.7</td></tr><tr><td>31 Julai</td><td>65,986</td><td>12,425</td><td>82.1</td></tr><tr><td>24 Julai</td><td>65,122</td><td>12,165</td><td>80.9</td></tr><tr><td>20 Julai</td><td>64,265</td><td>11,930</td><td>79.3</td></tr><tr><td>10 Julai</td><td>58,455</td><td>11,370</td><td>76.1</td></tr><tr><td>3 Julai</td><td>37,900</td><td>10,528</td><td>70.4</td></tr><tr><td>26 Jun</td><td>36,107</td><td>9,542</td><td>63.9</td></tr><tr><td>19 Jun</td><td>34,246</td><td>8,489</td><td>56.8</td></tr><tr><td>12 Jun</td><td>31,400</td><td>7,194</td><td>47.9</td></tr><tr><td>5 Jun</td><td>29,601</td><td>6,457</td><td>42.9</td></tr><tr><td>31 Mei</td><td>26,509</td><td>5,245</td><td>34.8</td></tr><tr><td>17 Mei</td><td>20,771</td><td>3,168</td><td>20.6</td></tr><tr><td>10 Mei</td><td>13,690</td><td>2,032</td><td>13.4</td></tr></table>	Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)	7 Ogos	66,673	12,584	82.7	31 Julai	65,986	12,425	82.1	24 Julai	65,122	12,165	80.9	20 Julai	64,265	11,930	79.3	10 Julai	58,455	11,370	76.1	3 Julai	37,900	10,528	70.4	26 Jun	36,107	9,542	63.9	19 Jun	34,246	8,489	56.8	12 Jun	31,400	7,194	47.9	5 Jun	29,601	6,457	42.9	31 Mei	26,509	5,245	34.8	17 Mei	20,771	3,168	20.6	10 Mei	13,690	2,032	13.4
Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)																																																							
7 Ogos	66,673	12,584	82.7																																																							
31 Julai	65,986	12,425	82.1																																																							
24 Julai	65,122	12,165	80.9																																																							
20 Julai	64,265	11,930	79.3																																																							
10 Julai	58,455	11,370	76.1																																																							
3 Julai	37,900	10,528	70.4																																																							
26 Jun	36,107	9,542	63.9																																																							
19 Jun	34,246	8,489	56.8																																																							
12 Jun	31,400	7,194	47.9																																																							
5 Jun	29,601	6,457	42.9																																																							
31 Mei	26,509	5,245	34.8																																																							
17 Mei	20,771	3,168	20.6																																																							
10 Mei	13,690	2,032	13.4																																																							
7.	Program Subsidi Upah	Sehingga 7 Ogos 2020, sebanyak RM9 bilion Subsidi Upah telah diluluskan yang memanfaatkan lebih 2.6 juta pekerja. Daripada jumlah ini, sebanyak RM 8.7 bilion telah disalurkan.																																																								
8.	Skim Kredit Mikro BSN	Setakat 7 Ogos 2020, pembayaran telah dibuat kepada 9,375 PKS (peningkatan daripada 8,738 minggu lepas) melibatkan																																																								

		jumlah sebanyak RM322.9 juta (peningkatan daripada RM302.2 juta minggu lepas)
9.	Program TEKUN	Setakat 7 Ogos 2020, pembayaran telah dibuat kepada 24,690 PKS (peningkatan daripada 24,465 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM185.58 juta (peningkatan daripada RM183.55 juta minggu lepas).
10.	Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan	a. Bagi Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan sejak berkuatkuasa pada 1 April 2020 yang lalu, setakat 7 Ogos 2020 nilai moratorium tersebut dianggarkan berjumlah RM70.5 bilion. Daripada angka ini, sebanyak RM24.7 bilion adalah jumlah yang dimanfaatkan oleh sektor perniagaan manakala jumlah yang dimanfaatkan oleh rakyat bernilai RM45.8 bilion. b. Menjelang tamatnya moratorium secara umum pada 30 September 2020, institusi perbankan terus bersedia untuk membantu peminjam yang terjejas akibat COVID-19 melalui moratorium lanjutan dan bantuan bank bersasar. Pihak yang masih terkesan boleh mula hubungi institusi perbankan mulai 8 Ogos 2020 untuk berbincang dan memohon fleksibiliti pembayaran balik. Sila layari https://www.facebook.com/bnm.official/posts/10158571163499872 untuk maklumat lanjut.